

06 DEC 2000

Senator-PPP

PPP ANGGAP KERUSI SENATOR SEBAGAI LANGKAH BESAR

KUALA LUMPUR, 6 Dis (Bernama) -- Presiden Parti Progresif Rakyat (PPP) Datuk M. Kayveas menganggap pelantikannya sebagai anggota Dewan Negara sebagai satu langkah besar bagi parti itu dalam arena politik tanah air.

"Pelantikan ini mungkin dilihat sebagai kecil dalam senario politik yang besar tetapi bagi PPP, ia adalah satu langkah besar di dalam politik peringkat kebangsaan," katanya kepada pemberita selepas mengangkat sumpah sebagai Senator di hadapan Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara, Datuk Micheal Chen.

Kayveas, seorang peguam, adalah pemimpin PPP yang pertama dilantik sebagai Senator sejak 1994.

Beliau berkata PPP berazam membantu memperkukuhkan kepercayaan rakyat kepada Barisan Nasional (BN) dengan menangani isu-isu yang dipandang remeh seperti yang ditimbulkan pembangkang pada pilihan raya kecil Lunas baru-baru ini.

PPP, yang mempunyai anggota berdaftar seramai 320,000, menganggap pelantikan itu adalah satu penghormatan tinggi kepada parti komponen BN itu, katanya.

Ketika majlis angkat sumpah, galeri awam Dewan Negara dipenuhi oleh para penyokong PPP yang memakai baju bercetak logo parti itu.

Mereka kemudian bertepuk tangan dengan kuat di dalam dewan sebaik sahaja Kayveas selesai mengangkat sumpah.

Sementara itu, seorang lagi senator baru, M. Saravanan, 32, menganggap pelantikannya sebagai langkah kerajaan untuk menyediakan generasi muda bagi memimpin parti pemerintah pada alaf baru.

Beliau berkata pelantikan itu merupakan tanggungjawab besar baginya terutama dalam menyuarakan hasrat masyarakat India di Wilayah Persekutuan.

Saravanan, seorang ahli perniagaan dan Setiausaha MIC Wilayah Persekutuan, berkata pelantikan itu juga memberinya peluang berkhidmat dengan lebih baik untuk membela nasib masyarakat.

Saravanan, senator termuda di Dewan Negara, juga mengucapkan terima kasih kepada presiden parti MIC Datuk Seri S. Samy Vellu dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di atas pelantikannya itu.

-- BERNAMA

SSA AKT MNY NAK